

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 24 Januari 2025**

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN NOVEMBER 2024

**Indeks Pelopor meningkat 2.5 peratus pada November 2024,  
menandakan pertumbuhan ekonomi yang berterusan**

**PUTRAJAYA, 24 JANUARI 2025** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi November 2024**. Indeks Pelopor (IP) memberi petunjuk awal tentang titik perubahan yang ketara dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Prestasi ekonomi Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan positif dengan Indeks Pelopor (IP) mencatatkan 2.5 peratus pada November 2024, mencapai 112.6 mata berbanding 109.9 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Paparan I**). Peningkatan dua digit dalam Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (24.6%) telah menjadi penyumbang utama kepada kenaikan ini. Secara bulanan, IP memulih kepada 1.1 peratus selepas mengalami penurunan selama tiga bulan berturut-turut. Prestasi yang baik ini disumbangkan oleh hampir kesemua komponen kecuali Bilangan Unit Kediaman Yang Diluluskan Pembinaan (-0.2%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (-0.1%).”

Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada November 2024, IP kekal berada di bawah 100.0 mata (**Paparan II**). Meskipun masih berada di bawah trend, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan domestik

yang kukuh dan eksport berkaitan semikonduktor yang meningkat berikutnya permintaan global yang mampan.

Bagi kedudukan ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mengekalkan pertumbuhan positifnya dengan mencatatkan 1.9 peratus, mencecah 126.4 mata berbanding 124.1 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini mencerminkan peningkatan yang meluas merentas semua komponen IS. Pada masa yang sama, prestasi bulanan IS meningkat marginal 0.03 peratus pada November 2024 disokong oleh peningkatan Gaji & Upah Benar dalam Pembuatan dan Indeks Pengeluaran Perindustrian, masing-masing menyumbang 0.1 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
24 JANUARI 2025**

## LAMPIRAN I


### Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



### Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



### Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 24, 2025**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES NOVEMBER 2024**

---

***The Leading Index increased by 2.5 per cent in November 2024,  
indicating continued economic growth***

**PUTRAJAYA, JANUARY 24, 2025** – Today, the Department of Statistics Malaysia released the **Malaysian Economic Indicators: Leading, Coincident & Lagging Indexes for November 2024**. The Leading Index (LI) provides an early indication of significant turning points in the business cycle and the direction of the economy in the near term.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, “Malaysia's economic performance continues to show positive growth with the Leading Index (LI) recording 2.5 per cent in November 2024, reaching 112.6 points as compared to 109.9 points in the same month of the previous year (**Exhibit I**). The double-digit increase in the Bursa Malaysia Industrial Index (24.6%) has been the main contributor to this rise. On a monthly basis, the LI also showed a rebound of 1.1 per cent after experiencing a decline for three consecutive months. This positive performance was contributed by almost all components, except for the Number of Housing Units Approved (-0.2%) and the Number of New Companies Registered (-0.1%)”.

*Looking at the smooth long-term trend in November 2024, the LI remains below the 100.0 points (**Exhibit II**). Although still below the trend, Malaysia's economy is expected to continue growing, supported by strong domestic demand and increasing semiconductor related exports following a sustained global demand.*

*As for the current economic position, the Coincident Index (CI) maintained its positive growth by recording 1.9 per cent, reaching 126.4 points as compared to 124.1 points in the same month of the previous year. This performance reflects widespread improvement across all components of the CI. At the same time, the monthly performance of the CI marginally increased by 0.03 per cent in November 2024, supported by the rise in Real Salaries & Wages in Manufacturing and the Industrial Production Index, accounting for 0.1 per cent respectively.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

*Released by:*


**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**


**24 JANUARY 2025**

## APPENDIX I

### **Exhibit I: Leading Composite Index**



### **Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle**



## Exhibit III: Annual Changes of Leading Index Components

